

PROSIDING PERSIDANGAN INDUSTRI HERBA 2015

Memperkasa jalinan industri herba
ke arah transformasi ekonomi

3–5 November 2015

PUTRAJAYA



Editor

O Asiah

HF Lim

BJ Chee

M Nik Musaadah

M Mastura

K Getha

MGH Khoo

P Mazura

S Vimala

FRIM Proceedings No. 7

Prosiding Persidangan Industri Herba 2015
MEMPERKASA JALINAN INDUSTRI HERBA KE ARAH
TRANSFORMASI EKONOMI
3–5 November 2015
Putrajaya

Editor

O Asiah
HF Lim
BJ Chee
M Nik Musaadah
M Mastura
K Getha
MGH Khoo
P Mazura
S Vimala



2015

© Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2015

Segala pertanyaan hendaklah dikemukakan kepada:

Ketua Pengarah
Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia
52109 Kepong
Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: 603-62797000
Faks: 603-62731314
<http://www.frim.gov.my>

ISBN 978-967-0622-47-7

MS ISO 9001:2008
Diset dalam Calibri 11/12
Dihasilkan di Malaysia oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, Kepong

MENYUSUN STRATEGI BERPANDUKAN FAKTA RANTAIAN NILAI INDUSTRI HERBA

M Marzalina, AB Ariff Fahmi, AR Rohana & R Rosniza

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), 52109 Kepong, Selangor

Tel: 03-6279 7215 Faks: 03-6273 6587 E-mel: mzalina@frim.gov.my

ABSTRAK

Industri herba Malaysia merupakan satu bidang yang telah dikenalpasti berpotensi sebagai sumber kekayaan baharu negara. Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011 - 2020 serta Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sektor pertanian jelas menekankan pembangunan industri herba sebagai salah satu agenda penting yang perlu bergerak secara efektif. Pemahaman terhadap struktur rantaian nilai industri herba serta pihak yang terlibat secara langsung di dalam industri merupakan asas terpenting dalam merangka strategi yang berkesan dalam memacu keseluruhan industri ke satu peringkat yang lebih tinggi. Melalui Kajian Rantaian Nilai Industri Herba Terpilih di Semenanjung Malaysia yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), pertemuan secara individu maupun melalui bengkel konsultasi dengan semua pihak berkepentingan dalam industri herba telah diadakan. Dikaitkan dengan fakta yang diperolehi, kertas kerja ini akan dapat dimanfaatkan bagi membantu pembentukan strategi yang terfokus untuk memperkasa industri herba tempatan. Tiga spesies herba akan diketengahkan bagi merealisasi usaha menjadikan hub herba Malaysia dengan identiti tersendiri. Pembentukan pelan pembangunan strategik yang komprehensif merangkumi komponen penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan modal insan, struktur bantuan kewangan industri, bahan mentah, struktur perniagaan dan pelan pemasaran industri merupakan agenda penting yang perlu digerakkan sehaluan secara bersama. Gabungan gagasan kerjasama semua pihak sangat perlu sekiranya semua serius ke peringkat global untuk meningkatkan ekonomi dan kesihatan rakyat.

Kata kunci: strategi, rantaian nilai, industri herba, hab herba Malaysia

PENGENALAN

Industri herba secara umumnya merupakan suatu bidang yang mempunyai potensi besar untuk diterokai terutamanya bagi negara seperti Malaysia. Menurut statistik WHO (2013), permintaan di China meningkat sebanyak 20% dalam tempoh setahun menjanaan US\$83.1 billion, sementara peningkatan sebanyak 68% di Korea telah menjanaan US\$7.4 billion dalam tempoh 5 tahun. Maka ini jelas menunjukkan potensi industri herba sebagai sumber

kekayaan baharu negara sekiranya negara kita benar-benar serius untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu hab herba dunia.

Dasar Agromakanan Negara (DAN) mengunjurkan pengeluaran herba Malaysia bakal mencapai 73,000 tan metrik pada tahun 2020 berbanding 17,000 tan metrik pada tahun 2010. Jumlah keluasan tanaman herba turut diunjurkan meningkat sebanyak 15% setahun daripada 1,000 hektar pada 2010 kepada 4,000 hektar pada tahun 2020.

Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) diperkenalkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) merangkumi 12 sektor di mana bidang pertanian merupakan salah satu daripada sektor yang diberi perhatian. Di bawah NKEA pertanian pula, sebanyak 17 Projek Penggerak Ekonomi (EPP) telah dikenalpasti dimana bidang industri herba terlibat secara langsung di bawah EPP 1 iaitu *unlocking value from Malaysia's biodiversity through high-value herbal product*.

Rantaian Nilai Industri Herba (RNIH) merangkumi pembekal bahan tanaman, penanam, pemproses/pengeluar produk herba, pemborong, peruncit dan juga pengguna. FRIM telah menjalankan beberapa kajian melibatkan kesemua peringkat bagi memahami struktur rantaian nilai industri herba secara keseluruhannya. Objektif kertas kerja ini ialah membentuk strategi yang terfokus dalam usaha memperkasa industri herba tempatan dan seterusnya mengukuhkan usaha pewujudan hab herba Malaysia dengan identiti tersendiri.


KAEDAH

Kertas kerja ini dibangunkan berdasarkan input bancian, survei dan siri bengkel yang dijalankan oleh FRIM melalui kajian rantaian nilai industri herba terpilih di Semenanjung Malaysia. Temu bual melibatkan pelbagai pihak berkepentingan serta pemerhatian kumpulan penyelidikan terhadap senario semasa industri herba dan rujukan pelbagai sumber turut dilakukan.

PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

Hasil bancian Kajian Rantaian Nilai Industri Herba Terpilih Semenanjung Malaysia, menunjukkan terdapat perbezaan antara spesies herba ditanam dan diproses oleh pengusaha. Rajah 1 menunjukkan senarai bilangan penanam 10 spesies terbanyak serta keluasan ladang berbanding bilangan pengusaha dalam pemprosesan berdasarkan siri bancian yang dijalankan pada tahun 2014 – 2015. Keadaan ini memberi gambaran awal terhadap kepincangan koordinasi antara permintaan dan penawaran dalam rantaian. Penentuan nilai

komersialisasi spesies turut penting bagi menentukan hab herba Malaysia sentiasa di tahap optimum.



Rajah 1. 10 spesies yang paling banyak ditanam berbanding 10 spesies yang paling banyak digunakan dalam pemprosesan/pengusaha.

Rohana *et al.* (2015b) turut membincangkan mengenai keperluan untuk industri herba mengurangkan kebergantungan terhadap import bahan mentah dan sebaliknya memperkasakan pihak pengeluar bahan tanaman (tapak semaian) dan peladang itu sendiri bagi memenuhi keperluan pemproses/pengusaha produk herba. Perkara ini berkait rapat dengan permintaan orang ramai. Oleh itu pengguna perlu mendapat maklumat yang tepat melalui strategi promosi yang berkesan.

Walau bagaimanapun, dari input Bengkel Konsultasi Pihak Berkepentingan Industri Herba Semenanjung Malaysia (Februari 2015), majoriti pihak berpandangan industri herba kita mempunyai beberapa kekuatan untuk dieksplorasi terutamanya berkaitan sumber, kepakaran dan teknologi. Ini turut diutarakan oleh mereka yang kami temu bual. Strategi yang baik perlu mengambilkira faktor-faktor halangan dan sumber semasa yang wujud.

Selain itu, suatu pelan strategik yang memfokuskan matlamat utama untuk pembangunan hab herba Malaysia beridentiti tersendiri perlu dirangka segera. Kami mencadangkan pemilihan spesies berpotensi untuk dikembangkan adalah berdasarkan beberapa kriteria seperti berikut:

1. Spesies yang mempunyai maklumat lengkap kajian dan rantaian industri berserta kelebihan mampu bersaing di peringkat global - contoh: Tongkat ali.

2. Spesies yang digunakan secara tradisional, disokong secara saintifik serta mempunyai potensi untuk bersaing di peringkat ASEAN - contoh: Kacip fatimah.
3. Spesies yang turut dikaji serta popular disebabkan trend/keperluan semasa - contoh: Belalai gajah

Daripada tiga spesies tersebut, pelan pembangunan strategik hendaklah merangkumi komponen penyelidikan dan pembangunan (R&D), pembangunan modal insan, struktur bantuan kewangan industri, bahan mentah, struktur perniagaan dan pelan pemasaran industri perlu dibangunkan. Pelan ini bakal merupakan agenda penting yang perlu digerakkan sehaluan secara bersama ke arah merealisasikan hab herba Malaysia tersebut.

Melalui pelan pembangunan strategik yang dibangunkan, koordinasi antara setiap peringkat rantaian serta pemain utama perlu dikenal pasti. Pihak-pihak berkuasa dan intelektual yang mempunyai kekuatan di setiap peringkat rantaian hendaklah bersama-sama memberi input, bekerjasama dan menyokong kepada hab herba Malaysia. Antara lain seperti mengukuhkan aspek penyelidikan, keberkesanan, kualiti dan keselamatan herba; memperkenalkan bahan tanaman elit spesies terpilih untuk ditanam; menyediakan teknologi termoden bagi menghasilkan bahan mentah; menghubungkaitkan situasi permintaan dan penawaran; menentukan harga terbaik pembelian; meningkatkan usaha promosi dalam menjenamakan herba Malaysia di persada dunia serta mencipta lebih banyak peluang pasaran (*blue ocean strategy*) agar permintaan sentiasa wujud tanpa henti.

RUMUSAN

Berasaskan fakta dan keperluan semasa, pelan pembangunan strategik yang dicadangkan merupakan suatu garis panduan yang dapat mengukuhkan hasrat membina hab herba Malaysia dengan identiti tersendiri. Walau bagaimanapun, kejayaan sebenar hanya akan mampu dicapai melalui penggubalan polisi beserta penguatkuasaan yang serius oleh semua pihak sama ada dari dalam maupun di luar rantaian industri herba.

RUJUKAN

Gerard, B., Hood, S., Ruzy Suliza, H., Christof, J., Joerg, G., & Zurinawati, Z.A. (Eds.). (2009). *Health and Beauty from the Rainforest – Malaysian Traditions of Ramuan*. Kuala Lumpur: Editions Didier Millet Pte Ltd.

Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia. (2013). *Statistik Tanaman (Sub Sektor Tanaman Makanan)*. Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia. Putrajaya: Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. (2011). *Dasar Agromakanan Negara 2011–2020*. Putrajaya: Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa, MOA.


Rohana, A. R., Nur Fazreen, Z., Ariff Fahmi, A. B., Nur Syazni, A., Siti Zubaidah, S., Lim, H. F., et al. (2015). *Directory of Herbal Cultivators in Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Forest Research Institute Malaysia.

Rohana, A. R., Nur Fazreen, Z., Ariff Fahmi, A. B., Nur Syazni, A., Siti Zubaidah, S., Lim, H. F., et al. (2015). Value Chain Study for Holistic Development of Herbal Industry. *Proceeding 2015 3rd International Conference on Rural Development & Entrepreneurship*, (pp. 211–219). Hebei Province, China.

Vimala, S. (Ed.). (2013). *Malaysian Herbal Heritage*. Kuala Lumpur: Forest Research Institute Malaysia (FRIM).

World Health Organization. (2013). *WHO Traditional Medicine Strategy: 2014–2023*. Hong Kong SAR, China: WHO.

ISBN 978-967-0622-47-7



9 789670 622477